

# Kampus baharu KUIN perlu dimanfaatkan penduduk

**Baling:** Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah, mahu kewujudan kampus induk Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dapat dimanfaatkan sebaik mungkin, termasuk oleh penduduk sekitar Kuala Ketil, di sini.

Baginda yang juga Pro Canselor 1 KUIN, bertitah segala kemudahan serba lengkap yang ada di kampus baharu itu yang bukan sahaja mampu melonjak KUIN, tetapi juga kawasan di sekitarnya.

## Institusi pengajian Islam

Titahnya menerusi kemudahan dimiliki dan disediakan KUIN termasuk kampus baharu di Kuala Ketil serta jaringan

dan hubungan industri yang diwujudkan pada peringkat universiti, ia akan menjadikan pusat pengajian itu KUIN sebagai sebuah institusi pengajian Islam yang dikenali di rantau ini.

"Kampus baharu ini mampu menampung 10,000 pelajar dan setakat ini KUIN mempunyai 4,885 pelajar yang terdiri daripada pelbagai negara.

## Ruang timba ilmu

"Ini bermakna masih terdapat ruang dan peluang yang terbuka untuk menimba ilmu pengetahuan dalam bidang naqliyah dan aqliyyah di KUIN, sekali gus memungkin kan KUIN untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan

pada masa akan datang," titah baginda.

Baginda yang juga Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah bertitah demikian ketika menyempurnakan perasmian Sidang Kedua Istiadat Konvokesyen KUIN Ke-16 semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah KUIN.

Seramai 1,253 graduan bakal menerima ijazah dan diploma pada sidang kedua hari ini, selepas 85 graduan menerima ijazah masing-masing terdiri graduan Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana melalui sidang pertama semalam yang disempurnakan Yang di-Pertuan

Agong, Tuanku Abdul halim Muadzam Shah.

Baginda juga bertitah kerjasama dengan rakan strategik dapat dipertingkatkan sama ada dari dalam atau luar negara, bagi memperkasakan KUIN serta perkongsian ilmu dan pengalaman dengan Universiti Islam dan pengajian tinggi serantau terutama dalam bidang kajian dan penyelidikan.

## Usah alpa persaingan

Baginda turut menasihati graduan supaya tidak mudah alpa dan mengambil mudah mengenai persaingan sengit hasil era globalisasi ini.

"Graduan tidak boleh lagi bergantung hanya semata-mata kepada penguasaan teori sahaja, malahan memerlukan juga kemahiran lain seperti inovasi, penguasaan pelbagai bahasa, komunikasi dan analitikal serta kemahiran dalam bidang-bidang lain sebagai nilai tambah kepada kebolehpasaran graduan mengikut kehendak semasa," titah baginda.